



Pensyarah UMS gondol Anugerah di Persidangan Produk Semula Jadi Antarabangsa 2017

NST 25.3.2017 4

KOTA KINABALU: Pensyarah Pusat Perseidiaan Sains dan Teknologi (PPST) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Azlinah Matawali (gambar) cemerlang pada Persidangan Produk Semula Jadi Antarabangsa 2017 apabila berjaya menggondol anugerah Anugerah Penyampai Terbaik (Best Presenter Award) pada persidangan peringkat antarabangsa tersebut di Swiss Garden Beach Resort, Perak baru-baru ini.

Persidangan anjuran Malaysia Natural Product Society dan Universiti Pendidikan Sultan Idris itu menyaksikan Azlinah mengatasi 84 orang pembentang lain dari universiti awam lain antaranya Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn

Malaysia, dan beberapa lagi universiti tempatan, serta universiti luar negara antaranya dari Indonesia dan Brunei Darussalam.

“Sungguh tidak menyangka atas kejayaan ini kerana persaingan hadir dari penyelidik-penyelidik berpengalaman daripada universiti penyelidikan (RU).

“Pada persidangan ini, saya membentangkan kajian mengenai c. odorata atau pokok kapal terbang yang berpotensi sebagai perencat Protein Fhosphatase Type-1 yang biasanya terdapat semasa pengaruhan signal pada sel kanser.

“Projek ini diusahakan bersama pensyarah Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), iaitu Prof. Madya Dr. Jualang Azlan Gansau, Prof. Madya Dr Lee Ping Chin dan Prof. Madya Dr

How Siew Eng, dan projek ini di bawah geran Prof Madya. Dr. Jualang,” katanya.

Tambah Azlinah, pencapaian beliau pada persidangan ini akan dijadikan satu permulaan yang baik untuk mencapai lebih banyak kejayaan pada masa akan datang, sekali gus mengangkat nama UMS di persada antarabangsa.

“Persidangan sebegini merupakan latihan dan pendedahan yang baik untuk saya dan rakan-rakan penyelidik muda yang lain.

“Semoga lebih banyak lagi hasil kajian dapat dihasilkan sekali gus menyumbang kepada nilai tambah terhadap bidang bioteknologi dan kimia hasilan semula jadi di Sabah dan seterusnya menjadikan UMS sebagai peneraju utama dalam bidang ini di Malaysia,” ujar beliau.